

BAB PERTAMA

BAB PERTAMA

PENDAHULUAN

1.1 LATAR BELAKANG

Islam yang bersifat universal diturunkan untuk dihayati oleh manusia sejagat tanpa mengira apa-apa batasan. Nabi Muhammad (s.a.w.) diutuskan ke muka bumi ini untuk menyampaikan risalah Allah yang juga telah disampaikan oleh para Rasul sebelumnya. Rasulullah (s.a.w.) telah menjalankan tugas ini dengan berkesan sehingga Islam berkembang ke serata pelusuk dunia. Kewafatan Baginda (s.a.w.) bukan bermakna terhentinya usaha dakwah dan perkembangan Islam. Umat Islam perlu meneruskan perjuangan untuk memperkembangkan Islam ini lebih-lebih lagi golongan ulama yang disifatkan oleh Rasulullah (s.a.w.) sebagai pewaris para Nabi. Selaku golongan yang mewarisi tugas kenabian maka peranan mereka secara khusus ialah menegakkan ajaran yang terkandung di dalam al Quran dan al Hadith. Mereka perlu menyeru dan mendidik manusia ke arah penghayatan aqidah tauhid yang sebenar, mentaati syariat Allah dan berakhlak dengan akhlak Islam.

Dalam sejarah pemikiran Islam dan dakwah, ramai tokoh-tokoh pemikir dakwah yang telah berjaya mengajak manusia kepada penghayatan Islam yang sempurna, antara tokoh-tokoh tersebut ialah, Ibnu Taimiyah(1263 – 1328m), Ibnu Khaldun(1332-1406m), Muhammad Abdul Wahab(1703-1792m), Said Nursi(1873-1959m), Syed Abul A'la al Maududi(1903-1979m) dan Pak Natsir(1908-1993m). Penulis memilih untuk menyenaraikan mereka kerana mereka merupakan tokoh pembaharu umat di zaman mereka yang mengajak umat

Islam menghayati ajaran akidah tauhid yang sebenar serta mampu membuka minda dan pemikiran masyarakat Islam untuk mencapai kemajuan yang selaras dengan kehendak Islam. Ciri ini ada persamaan dengan ciri yang ada pada tokoh yang dikaji, Datuk Haji Abdul Kadir Hassan. Walaupun tokoh ini tidak mencapai kemasyhuran pada peringkat antarabangsa seperti tokoh-tokoh yang disebut sebelum ini, namun peranan beliau dalam perkembangan Islam di negeri Sarawak amat signifikan khususnya dalam mengajak umat Islam di Sarawak menghayati akidah tauhid yang sebenar serta dapat mencapai kemajuan yang direndhai Allah (S.W.T.)

Peranan dan ketokohan ulama di negeri Sarawak tidak banyak dikaji dan ditulis sehingga amat sukar untuk mencari bahan-bahan bertulis mengenai ulama Sarawak kecuali Sheikh Hj. Othman Abdul Wahab. Justeru itu kajian ini memfokuskan tentang salah seorang ulama Sarawak abad ke 20 iaitu Datuk Haji Abdul Kadir Hassan kerana sumber secara lisan masih mudah diperolehi seperti ahli keluarga, rakan sekolah, rakan pejabat, anak murid dan pemimpin pada zamannya.

Datuk Haji Abdul Kadir Hassan dikenali sebagai seorang tokoh yang banyak memberi sumbangan dalam penghayatan dan perkembangan Islam di Sarawak, khususnya di Kuching. Walaupun beliau tidak meninggalkan khazanah dalam bentuk penulisan kitab yang besar-besar tetapi pemikiran beliau dalam bentuk tulisan ringkas, skrip ceramah, skrip soal jawab agama radio dan pengajaran lisan banyak memberi kesan kepada umat Islam di negeri Sarawak. Pemikiran beliau ini perlu dikaji dan difahami generasi kini supaya dapat diteroka sama ada yang

tersurat atau tersirat untuk kepentingan kelangsungan dan perkembangan umat Islam di Sarawak.

Kajian ini akan memfokuskan kepada pemikiran beliau dalam akidah, pelaksanaan syariah, akhlak dan dakwah. Manakala kajian mengenai sumbangan beliau pula memfokuskan kepada penglibatan beliau dalam perkhidmatan awam, pengajaran dan dakwah serta politik.

1.2. PENGERTIAN TAJUK

Tajuk kajian ini “ Datuk Haji Abdul Kadir Hassan : Pemikiran Dan Sumbangannya Dalam Perkembangan Islam di Kuching, Sarawak.” Perkataan pemikiran dan sumbangan dijelaskan dalam tajuk ini kerana pengertian ini akan dijadikan asas menentukan skop kajian berkaitan dengan tokoh ini.

Pemikiran dibentuk daripada kata asal fakir yang bermaksud perihal berfikir¹. Pemikiran menurut “New Standard Encyclopedia” ialah hasil kerja berfikir sama ada melalui usaha menghimpun, memberi pendapat atau mengeluarkan keputusan². Jelas daripada definisi ini pemikiran itu ialah hasil kerja berfikir seseorang samada pemikiran itu datang daripada dirinya atau daripada sumber lain yang dihimpun oleh seseorang.

¹ Noresah Bt. Baharom *et.al.* (1994), *Kamus Dewan Edisi Ketiga*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 352

² John. I. Goodlad *et.al.* (1980), *New Standard Encyclopedia*, vol. 13, Chicago : Standard Educational Corporation, h. 236.

Pemikiran dalam kajian ini merujuk kepada hasil-hasil kerja bertikir yang dilakukan oleh tokoh yang dikaji. Ia membawa maksud pemikiran yang dihasilkan oleh Datuk Haji Abdul Kadir Hassan sendiri dan juga hasil pemikiran yang sudah sedia ada disampaikan atau diolah semula oleh beliau. Pemikiran yang dimaksudkan di sini juga merujuk kepada hasil pemikiran tokoh ini dalam bentuk aplikasi kepada pemikiran yang sudah sedia ada sama ada dari segi keutamaan, kaedah dan sebagainya.

Pemikiran secara umumnya mempunyai pengertian yang begitu luas. Keadaan yang sama juga berlaku dalam pemikiran Islam. Ia mencakupi semua hal ehwal Islam itu sendiri. Untuk tujuan kajian ini penulis memfokuskan pemikiran tokoh ini mengenai akidah, pelaksanaan syariah, akhlak dan dakwah. Penulis tidak bertujuan untuk mengkaji keseluruhan aspek tersebut tetapi mengenengahkan beberapa isu yang pernah dibincangkan oleh tokoh ini yang terdapat dalam bahan yang agak terhad.

Sumbangan bermaksud sesuatu yang diberikan³. Dalam kajian ini ia bermaksud sesuatu yang diberikan atau disumbangkan oleh Datuk Haji Abdul Kadir Hassan sama ada dalam bentuk buah fikiran, tenaga atau apa-apa bentuk sumbangan dalam perkhidmatan awam, pengajaran dan dakwah serta politik. Sumbangan ini lebih memfokuskan kepada sumbangan beliau yang memberi manfaat kepada orang ramai khususnya umat Islam dan bukannya sumbangan untuk kepentingan peribadi beliau.

³ Noresah Bt. Baharom *et.al.* (1994). *op. cit.* h. 1318.

1.3. PERMASALAHAN KAJIAN

Permasalahan pokok yang akan dikaji dalam kajian ini ialah ketokohan, pemikiran dan sumbangan Datuk Haji Abdul Kadir Hassan, salah seorang ulama Sarawak yang banyak berperanan dalam perkembangan Islam dan pembangunan umatnya di Sarawak. Beliau terkenal sebagai ulama yang dapat berperanan dengan berkesan dalam mengajak umat Islam di Kuching khususnya dan di Sarawak amnya untuk menghayati ajaran Islam. Kejayaan beliau dalam menghapuskan kepercayaan karut, khurafat dan syirik dilihat sebagai usaha yang sangat berharga dan pendekatan beliau dianggap sederhana dalam mendekati masyarakat perlu dicontohi oleh ulama dan pendakwah semasa.

Pemikiran beliau dalam pelaksanaan Syariah di negeri Sarawak, khususnya dalam meningkatkan kesedaran dan komitmen umat Islam untuk beribadah dengan betul dan sempurna begitu berharga sekali. Buah fikiran beliau dalam hal ehwal pengurusan zakat amat banyak meninggalkan kesan kepada pembangunan dan kemajuan Tabung Baitulmal Sarawak kini. Begitu juga pemikiran beliau dalam bidang akhlak dan dakwah begitu jelas dapat membawa perubahan dalam masyarakat Islam setempat.

Sumbangan beliau dalam membawa arus perubahan kesedaran Islam di kalangan kakitangan perkhidmatan awam begitu terserlah. Sebagai pendakwah yang disegani ramai sudah pasti banyak hasil pemikiran beliau yang perlu dikaji dalam bidang ini. Beliau juga pernah berkecimpung dalam politik negeri Sarawak yang dilihat sebagai satu usaha yang boleh memberi kesedaran mengenai peranan

agama dalam politik dan betapa perlunya politik itu dibersihkan daripada unsur-unsur yang bertentangan dengan Islam.

Memandangkan belum ada kajian mengenai tokoh ini dibuat maka penulis berpendapat bahawa perlu ada kajian dibuat untuk meneroka hasil pemikiran dan sumbangan tokoh ini supaya ia dapat dijadikan panduan dan perbandingan bagi masyarakat masa kini dan akan datang. Pandangan-pandangan beliau dalam bidang akidah dan pendekatan yang digunakan untuk mengatasi masalah kepercayaan dan amalan karut di negeri Sarawak perlu dikaji supaya dapat dijadikan rujukan bagi mengatasi masalah yang dihadapi umat Islam pada masa akan datang.

Usaha murni beliau dalam mengajak umat Islam di Sarawak memahami dan menghayati konsep sebenar ibadah dikaji di bawah tajuk pemikiran beliau dalam pelaksanaan syariah. Fokus kajian di bawah tajuk ini juga ialah tentang pengurusan hal ehwal zakat. Ia dijadikan tumpuan kerana kejayaan tokoh ini dalam menyusun atur pengurusan hal ehwal zakat sehingga menampakkan perubahan yang ketara. Bagaimanakah beliau mampu mengubah pengurusan hal ehwal zakat tersebut. Kajian ini akan meneliti sebuah kertas kerja yang ditulis oleh beliau mengenai hal ehwal zakat yang bertajuk "*Zakat Dan Fitrah Dan Kegunaannya*".

Seterusnya pemikiran beliau mengenai akhlak juga turut dikaji dengan memfokuskan kepada pandangan beliau mengenai isu berkaitan serta penghayatannya dalam masyarakat Islam di negeri Sarawak.

Tokoh ini selalu disebut berjaya dalam bidang dakwah. Sehingga namanya sering disebut oleh masyarakat Islam di Sarawak. Benarkah beliau sebagai pendakwah yang berwibawa akan diteliti dalam kajian ini supaya dapat meneroka rahsia kejayaan beliau.

Sebagai seorang tokoh tempatan, sumbangan beliau di peringkat tempatan juga perlu dikaji. Sumbangan ini amat bermakna bagi masyarakat setempat. Justeru itu perlu dikaji apakah bentuk sumbangan tokoh ini khususnya dalam perkembangan Islam di Sarawak.

Kesimpulannya kajian ini akan memfokuskan perkara berikut:

1. Biografi seorang tokoh Ulama Sarawak iaitu Datuk Haji Abdul Kadir Hassan
2. Sumbangan Beliau Kepada Perkembangan Islam Di Kuching, Sarawak ?
3. Pemikiran Beliau Mengenai Akidah
4. Pemikiran Beliau Mengenai Pelaksanaan Syariah
5. Pemikiran Beliau Mengenai Akhlak
6. Pemikiran Beliau Mengenai Dakwah.

1.4. OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini memfokuskan mengenai seorang tokoh ulama Sarawak iaitu Datuk Haji Abdul Kadir Hassan. Objektif kajian ini dibuat ialah :

1. Mengkaji biografi Datuk Haji Abdul Kadir Hassan sebagai seorang ulama Sarawak.
2. Meneliti sumbangan tokoh dalam perkembangan Islam di Kuching, Sarawak.
3. Mengkaji pemikiran beliau mengenai akidah dan pelaksanaan syariah
4. Mengkaji pemikiran beliau mengenai akhlak dan dakwah.

1.5. KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini amat penting dijalankan kerana hasilnya dapat dianalisa untuk dijadikan panduan kepada para ulama dan pendakwah dalam usaha membangunkan umat Islam pada masa depan. Ketokohan Datuk Haji Abdul Kadir Hassan begitu menonjol di negeri Sarawak dan namanya masih meniti dari bibir ke bibir generasi yang sempat menerima didikan beliau. Namun, sehingga kini belum ada satu kajian bertulis secara khusus yang dapat memaparkan biografi dan beberapa hasil pemikiran beliau. Dengan adanya kajian ini ia dapat dijadikan sebagai perintis dan akan menjadi sumber bertulis tentang ketokohan beliau.

1.6. KAJIAN TERDAHULU

Kajian secara khusus mengenai Datuk Haji Abdul Kadir Hassan sehingga kajian ini dibuat belum pernah diusahakan. Sedangkan pemikiran dan sumbangannya dalam perkembangan Islam di Sarawak sangat besar dan penting.

Sebelum ini memang terdapat penulisan umum mengenai perkembangan Islam di Sarawak dan juga peranan ulama, antaranya Ismail Mat pernah menulis tentang “*Pengenalan Sejarah Awal Kedatangan Islam di Sarawak*”.⁴ Beliau menulis tentang kedatangan Islam ke Sarawak dengan menghubungkan kedatangan Islam ke Brunei. Beliau juga menyentuh secara langsung tentang Islam dan ulama pada masa pemerintahan Brooke dengan menamakan beberapa tokoh ulama seperti Datuk Hakim Haji Abdul Rahman, Datuk Hakim Haji Ashari, Sheikh Othman Abdul Wahab, Datu Hakim Imam Morshidi bin Abang Haji Nurudin, Abang Haji Moasili bin Abang Haji Abdul Rahman, Datuk Patinggi Abang Haji Abdillah, Haji Shibli Haji Abdul Rahman, Datuk Imam Abang Haji Suhaili dan Datuk Hakim Abang Haji Mohidin.⁵ Beliau tidak menyentuh tentang ulama mutakhir Sarawak seperti tokoh yang dikaji ini, kerana beliau hanya memfokuskan tentang sejarah awal kedatangan Islam di Sarawak.

Dalam buku “*Islam Di Brunei, Sarawak dan Sabah*” yang disunting oleh Ismail Mat, terkandung sebuah hasil tulisan Muda @ Ismail Abdul Rahman dan Rasli Bin Saharan yang bertajuk Peranan Ulama Dalam Perkembangan Islam Di Sarawak. Tulisan ini menjelaskan peranan utama yang dimainkan oleh ulama dalam sejarah dan kehidupan masyarakat Islam di Sarawak iaitu sebagai pendidik umat dalam konteks untuk merealisasikan tuntutan Islam di dalam kehidupan individu, berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara. Apabila keperluan mendesak mereka menjadi pemimpin dan jurubicara umat dalam menegakkan risalah Allah dan yang hak. Mereka adalah pengkritik masyarakat dan juga pengislah.⁶

⁴ Ismail Mat (1989), *Islam di Brunei, Sarawak dan Sabah*, Kuala Lumpur : Penerbitan Asiana .

⁵ *Ibid* . h. 28

⁶ *Ibid*, h. 35.

Penulisan ini juga hanya menyentuh tentang peranan beberapa orang ulama seperti Datuk Imam Hj. Abdul Gapur, Datuk Hakim Keramat, Sheikh Othman Abdul Wahab dan Datuk Hakim Imam Abang Haji Morshidi. Ternyata penulisan ini hanya memfokus⁷ tentang ulama terdahulu iaitu pada peringkat awal perkembangan Islam di Sarawak dan tidak menyentuh tentang ulama terkemudian seperti Datuk Haji Abdul Kadir Hassan.

Panel penyelidik daripada Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, pernah menganjurkan Majlis Memperingati Tokoh Ulama Silam Ke 12 dan telah menerbitkan buku "*Islam Dan Peranan Ulama-Ulama Sarawak*". Buku ini juga sebagaimana penulisan sebelum ini menyentuh tentang peranan ulama yang awal dalam perkembangan Islam di Sarawak dan memfokuskan tentang ketokohan Sheikh Othman Abdul Wahab. Buku ini tidak membicarakan tentang peranan ulama mutakhir.⁷

Penulisan mengenai ulama Sarawak ini juga pernah diusahakan oleh Tuan Haji Johari Bojeng yang diterbitkan dalam buku Sepuluh Tahun BINA 1969 – 1979. Beliau mengambil pendekatan yang sama dengan penulis-penulis lain sebelum ini iaitu hanya menyentuh secara ringkas tentang ulama Sarawak terdahulu.⁸

Habid's Buhigiba Bin Mohamad Bustamam dalam latihan ilmiahnya yang bertajuk, *Perkembangan Islam di Sarawak 1946 – 1991* telah mengupas tentang perkembangan Islam di Sarawak selepas pendudukan Jepun (1941 – 1945) dan

⁷ Panel Penyelidik (1988). *Islam Dan Peranan Ulama-Ulama Sarawak*, Bangi : Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

⁸ Johari Bojeng, "Memperingati Ulama-ulama Sarawak" dalam *Sepuluh Tahun BINA 1969 – 1979*, Kuching : BINA, h. 103 – 104.

bermulanya isu “*anti Cession*” pada tahun 1946 sehingga tahun 1991 iaitu berakhirnya pilihanraya 1991. Beliau ada menyentuh tentang peranan ulama Sarawak dan pengukuhan Islam, namun beliau hanya menyebut tentang peranan ulama pada peringkat awal sepertimana tulisan lain mengenai tajuk ini. Walaupun kajian beliau meliputi perkembangan Islam sehingga 1991 tetapi beliau tidak ada menyentuh tentang peranan ulama pada masa itu khususnya tentang ketokohan Datuk Haji Abdul Kadir Hassan. Pada peringkat akhir penulisan beliau tentang perkembangan Islam, beliau banyak mengupas tentang perkembangan Islam dari perspektif organisasi Islam dan tidak menyentuh mengenai peranan individu seperti ulama.⁹

Buku “*Islam di Sarawak Dan Sabah*” yang diterbitkan pada tahun 2003 banyak menghuraikan sejarah kedatangan dan perkembangan Islam di Sarawak dan Sabah. Buku tersebut juga memuatkan perbincangan tentang ulama Sarawak seperti Datuk Hakim Hj. Abdul Rahman Haji Ibrahim, Sheikh Othman Sarawak dan Datuk Hakim Imam Hj. Morshidi. Walaupun buku ini baru diterbitkan tahun 2003 tetapi ianya tidak membincangkan ulama yang agak kemudian seperti Datuk Haji Abdul Kadir Hassan.¹⁰

Memang tidak dapat dinafikan bahawa peranan ulama sangat penting bukan sahaja dalam perkembangan Islam itu sendiri tetapi menjangkau kepada soal pendidikan, pembebasan daripada penjajahan dan pembangunan. Sebagaimana

⁹ Hapid's Buhigiba Bin Mohamad Bustamam (1995), “Perkembangan Islam Di Sarawak 1946-1991” (Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemasyarakatan Dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia).

¹⁰ Anwar Fakhri Omar *et al.*(2003), *Islam Di Sarawak Dan Sabah*, Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia dan Kuching : Jabatan Agama Islam Sarawak, h. 137 – 178.

yang disebut oleh Muda Ismail dalam menjelaskan tentang peranan ulama di Sarawak :

“ Peranan para ulama menentang penjajahan dan sekaligus bertindak sebagai pembina tradisi intelektual Islam dan berkhidmat sebagai pegawai kerajaan dinasti keluarga Brooke telah meletakkan mereka sebagai pelopor awal generasi yang sedar akan nilai-nilai pendidikan, kemerdekaan dan lebih dari itu ialah kewujudan Islam di bumi Kenyalang sendiri.”¹¹

Muda Ismail dalam tulisan tersebut ada melontarkan persoalan “ apakah ulama-ulama lain akan muncul atau tidak di bumi Kenyalang itu di dalam melanjutkan peranan mereka sebagai pembina tradisi intelektual yang awal di sana.”¹² Ternyata persoalan itu telah terjawab kini bahawa selepas ulama terdahulu seperti Datuk Hakim Keramat, Sheikh Othman Abdul Wahab, Datuk Hakim Abang Haji Murshidi dan Datuk Patinggi Abang Haji Abdillah telah muncul ulama lain dan salah seorang yang terkemuka sehingga kini ialah Datuk Haji Abdul Kadir Hassan.

Seperti yang disebut sebelum ini, tidak banyak penulisan tentang tokoh ini ditemui, jika adapun, ia merupakan tulisan ringkas misalnya catatan ringkas tentang riwayat hidup beliau pernah disusun untuk dimuatkan dalam Buku Cenderamata sempena Perasmian Sekolah Rendah Kebangsaan Agama Datuk Haji Abdul Kadir Hassan, Jalan Sultan Tengah pada tahun 1989.

Dalam buku Perjuangan Anti Cession Sarawak ada menyentuh tentang penglibatan beliau dalam Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak iaitu sebagai

¹¹ Muda @ Ismail Abdul Rahman(1983). “Peranan Ulama Di Sarawak: Satu Pengenalan” dalam Buku Cenderamata *Majlis Memperingati Tokoh Ulama Silam Kedua Belas*, Anjuran bersama Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Majlis Islam Sarawak di Kuching pada 3 April 1983, h. 20.

¹² *Ibid*, h. 18.

ahli jawatankuasa pada tahun 1964 hingga 1966, Ahli Majlis Tertinggi pada tahun 1975 hingga 1982.¹³

Selain itu ada juga penulisan ringkas yang menyentuh tentang penglibatan beliau dalam Angkatan Nahdhatul Islam Bersatu (BINA)¹⁴ yang mana beliau merupakan tokoh penting dalam BINA iaitu sebagai ahli jawatankuasa mulai 1969 sehingga 1974 dan dilantik sebagai Timbalan Yang Dipertua mulai 1974 sehingga pada tahun 1980.¹⁵

Selain daripada itu penglibatan beliau dalam bidang politik ada disentuh dalam buku Politik Sarawak. Pengarang buku ini, Ahmad Nidzammudin Sulaiman menjelaskan bahawa kebanyakan mereka yang berjawatan penting dalam parti BERJASA¹⁶ ialah golongan yang berpendidikan agama dan salah seorang daripada mereka ialah Ustaz Abdul Kadir Bin Hassan.¹⁷

Daripada tinjauan dan kajian awal penulis memang belum banyak penulisan khusus tentang ketokohan Datuk Haji Abdul Kadir Hassan, jika adapun ia hanya merupakan tulisan ringkas tentang beliau. Sehingga kini belum ada kajian khusus tentang beliau, sumbangan dan pemikirannya.

¹³ Mohammad Hasbie Sulaiman (1989), *Perjuangan Anti Cession Sarawak*, Kuching : Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak, h. 157.

¹⁴ Angkatan Nahdhatul Islam Bersatu (BINA) dirasmikan penubuhannya pada 15 Muharram, 1389 H bersamaan dengan 3 April 1969M dan nama pertubuhan ini telah ditukar kepada Harakah Islamiah secara rasminya pada 11 Rabiul Awal 1415 H bersamaan 19 Ogos 1994.

¹⁵ *Sepuluh Tahun BINA 1969 – 1979, op. cit.* h. 68.

¹⁶ Parti politik yang telah ditubuhkan di Sarawak pada 4 Disember 1961

¹⁷ Ahmad Nidzammudin Sulaiman *et al.* (1994), *Politik Sarawak*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 29.

1.7. METODOLOGI KAJIAN

Dalam kajian ini ada dua metodologi umum yang digunakan iaitu metod pengumpulan data dan metod analisa dan penulisan data.

1. Metod Pengumpulan Data

Metod ini merupakan satu kaedah untuk mendapatkan data tentang subjek yang dikaji. Dalam usaha mengumpul data dan fakta, penulis menggunakan beberapa metod untuk mendapatkan data yang relevan dan diperlukan. Metod yang digunakan dalam pengumpulan data kajian ini ialah :

a. Metod Penyelidikan Perpustakaan

Metod ini adalah berdasarkan kajian keperustakaan. Penulis menggunakan metod ini untuk mendapatkan bahan dari buku-buku yang berkaitan dengan kajian ini terutamanya dalam mencari bahan untuk mendapatkan kajian terdahulu yang berkaitan dan juga sejarah tentang perkembangan Islam di Sarawak dan peranan ulama yang dikaji.

b. Metod Persejarahan

Metod persejarahan ialah suatu proses untuk menentukan adanya pendapat yang tepat mengenai kejadian-kejadian.¹⁸ Penggunaan metod ini adalah bertujuan untuk mendapatkan data yang mempunyai nilai sejarah. Sungguhpun penelitian sejarah ini adalah suatu yang amat kompleks terutamanya apabila berhadapan dengan bahan tulisan yang tidak mencukupi, namun penulis telah berusaha untuk mendapatkan fakta-fakta yang benar dan komprehensif. Walau bagaimanapun sesuatu yang tidak dapat dinafikan bahawa dalam usaha penulis mengumpulkan data ini sudah tentu tidak semua fakta-fakta sejarah dapat dikumpulkan. Dalam kajian ini ianya banyak digunakan dalam Bab Kedua iaitu yang menyentuh tentang Sejarah Kedadatangan Dan Perkembangan Islam di Sarawak.

c. Metod Temubual

Temubual merupakan satu kegiatan atau perbuatan komunikasi yang di dalamnya penemubual mengemukakan soalan dengan tujuan memperolehi maklumat daripada responden.¹⁹

Metod temubual ini bertujuan untuk mendapatkan keterangan atau pendirian secara lisan dari seorang responden berhubung perkara yang dikaji. Dalam kajian ini penulis telah mengadakan temubual dengan orang – orang yang

¹⁸ Imam Barnadib (1982), *Arti Dan Metode Sejarah Pendidikan*, Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIP-IKIP, h. 52.

¹⁹ Syed Arabi Idid (1992), *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 69.

mengenal Datuk Haji Abdul Kadir Hassan seperti ahli keluarga, rakan sekolah, rakan sepejabat, anak murid dan orang awam.

Maklumat yang dikumpulkan hasil temubual ini banyak digunakan untuk menyempurnakan Bab Ketiga iaitu Biografi Dan Sumbangan Datuk Haji Abdul Kadir Hassan Dalam Perkembangan Islam Di Kuching, Sarawak dan juga Bab Keempat iaitu Analisa Pemikiran Datuk Haji Abdul Kadir Hassan.

Sebelum temubual dijalankan, penulis telah menyediakan panduan temubual yang terdiri daripada soalan-soalan umum dan dasar mengenai Datuk Haji Abdul Kadir Hassan. Kebanyakan soalan adalah soalan terbuka dan dalam temubual ini penulis juga menggalakkan responden untuk menjelaskan apa sahaja mengenai tokoh yang dikaji yang mungkin tidak disentuh oleh penulis. Maklumat daripada temubual ini dicatat oleh penulis dan juga dirakam bagi memudahkan penulis membuat rujukan semula semasa penulisan disertasi ini. Contoh soalan temubual dilampirkan untuk rujukan.

d. Metod Dokumentasi

Metod dokumentasi bererti cara pengumpulan data dengan melakukan kajian terhadap dokumen – dokumen yang ada hubungannya dengan masalah yang dikaji. Dokumen bermaksud ; mana-mana bahan bertulis yang mengandungi maklumat mengenai fenomena yang dikaji.²⁰ Metod ini banyak digunakan oleh penulis dalam usaha mengkaji hasil pemikirannya iaitu hasil tulisan dan catatan

²⁰ Kenneth D. Bailey, (1984), *Kaedah Penyelidikan Sosial*, Hashim Awang (terj.), Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 480.

beliau samada yang diterbitkan atau tidak. Kebanyakan dokumen adalah yang tidak diterbitkan dan masih dalam bentuk tulisan tangan asal beliau terutamanya skrip jawapan beliau kepada soalan yang ditanya oleh orang awam dan juga skrip ceramah Pendidikan Agama untuk siaran Radio Sarawak.

2. Metod Analisa Data

Metod analisa data adalah suatu analisa terhadap fakta-fakta yang telah dikumpulkan oleh penulis serta membuat perbandingan antara data yang diperolehi melalui kaedah pengumpulan data. Setelah itu penulis akan mengadakan pengolahan data dan menganalisisnya dengan menggunakan metod berikut :

a. Metod Deduktif

Metod ini bermaksud cara menganalisa dan menyediakan hasil penulisan yang berdasarkan kepada pola berfikir yang mencari pembuktian dengan berpijak pada dalil umum terhadap hal-hal yang khusus.²¹ Dalam kajian ini penulis banyak menggunakan metod ini dalam Bab Ketiga, Keempat dan Kelima.

²¹ Imam Baḥmadib, Prof., (1982), *op.cit.*,h. 53.

1.8. BATASAN KAJIAN

Kajian ini menyentuh sepintas lalu mengenai perkembangan Islam di Sarawak. Penulis memasukkan tajuk Kedatangan Islam Ke Brunei dalam kajian ini mengambil kira kedudukan Sarawak satu ketika dulu pernah di perintah oleh Kesultanan Brunei. Dari sudut sejarah kedatangan dan perkembangan Islam, Brunei dan Sarawak mempunyai hubungan yang jelas serta mempunyai bukti yang diterima oleh ahli-ahli sejarah.

Kajian ini juga meneliti biografi ringkas Datuk Haji Abdul Kadir Hassan sebagai salah seorang ulama Sarawak dan seterusnya mengkaji mengenai sumbangan beliau dalam perkhidmatan awam, dakwah dan politik Sarawak.

Pemikiran beliau yang dikaji ialah mengenai akidah dengan memberi tumpuan kepada beberapa isu yang terdapat dalam hasil tulisan beliau yang tidak diterbitkan.

Seterusnya pemikiran beliau mengenai pelaksanaan syariah hanya menyentuh soal penghayatan Islam yang menyeluruh dan pelaksanaan pengurusan zakat. Hal ehwal zakat ini diberikan tumpuan kerana penulis melihat kesan dan sumbangan yang ditinggalkan oleh beliau amat ketara sehingga idea beliau yang dibentang dalam sebuah kertas kerja banyak dilaksanakan oleh Tabung Baitulmal Sarawak. Walaupun hanya berdasarkan sebuah kertas kerja, namun hasil pemikiran beliau sangat praktikal untuk dilaksanakan di peringkat negeri Sarawak. Selain kertas

kerja tersebut penglibatan beliau secara langsung dalam Majlis Islam Sarawak banyak memberi kesan kepada pengurusan zakat di negeri Sarawak.

Kajian mengenai pemikiran akhlak pula hanya menyentuh tentang pandangan beliau mengenai unsur-unsur yang boleh merosakkan akhlak. Kajian ini tidak menjangkau mengenai konsep dan teori akhlak kerana keterbatasan bahan yang ditulis oleh tokoh ini. Kajian ini juga tidak menyentuh mengenai konsep tasawwuf dan perbezaannya dengan akhlak.

Penulis juga memasukkan isu dakwah sebagai kajian mengenai pemikiran tokoh ini kerana penulis berpendapat hasil pemikiran beliau dalam bidang ini perlu diketengahkan kerana beliau adalah antara tokoh pendakwah yang mempunyai sumbangan besar dalam perkembangan Islam di Sarawak. Sebagai ulama yang bergiat cergas dalam dakwah, ada buah fikiran beliau yang perlu diketahui oleh generasi kini dan akan datang untuk dijadikan panduan dan perbandingan. Pemilihan bidang dakwah sebagai salah satu isu pemikiran berdasarkan kepada pengertian pemikiran yang luas iaitu apa-apa sahaja hasil pemikiran seperti yang dijelaskan dalam Pengertian Tajuk sebelum ini. Penulis dalam kajian ini bukan bermaksud untuk membincangkan samada dakwah itu satu isu pemikiran Islam ataupun tidak. Memandangkan banyak hasil pemikiran beliau serta bukti yang menunjukkan bahawa beliau telah menggunakan pendekatan dakwah yang sesuai untuk negeri Sarawak maka penulis memasukkan dakwah ini sebagai salah satu bidang pemikiran tokoh yang dikaji.

1.9.SISTEMETIKA PENULISAN

Disertasi ini akan mengandungi LIMA Bab :

BAB PERTAMA : PENDAHULUAN

- 1.1 : Latar Belakang
- 1.2 : Pengertian Tajuk
- 1.3 : Permasalahan Kajian
- 1.4 : Objektif Kajian
- 1.5 : Kepentingan Kajian
- 1.6 : Kajian Terdahulu
- 1.7 : Metodologi Kajian
- 1.8 : Batasan Kajian
- 1.9 : Sistemetika Penulisan

BAB KEDUA : SEJARAH DAN PERKEMBANGAN ISLAM DI SARAWAK

- 2.1 : Sejarah Kedatangan Islam Ke Sarawak
- 2.2 : Sejarah Kedatangan Islam Ke Brunei
- 2.3 : Kedatangan Islam Ke Sarawak
- 2.4 : Perkembangan Islam Pada Zaman Brooke
- 2.5 : Tokoh Ulama Sarawak.

BAB KETIGA : BIOGRAFI DAN SUMBANGAN DATUK HAJI ABDUL KADIR HASSAN DALAM PERKEMBANGAN ISLAM DI KUCHING, SARAWAK.

3.1 : Latar Belakang Keluarga Dan Keturunan

3.2 : Pengajian

3.3 : Keluarga

3.4 : Keperibadian

3.4.1 : Kemuliaan Akhlak

3.4.2 : Tawadhu'

3.4.3 : Kebijaksanaan

3.4.4 : Kekuatan Beribadah

3.4.5 : Keberanian Dan Ketegasan Beliau

3.4.6 : Petah Dan Bijak Berpidato

3.4.7 : Berkebolehan Dalam Kerja Tangan

3.5. Sumbangan

3.5.1 : Sumbangan Dalam Perkhidmatan Awam

3.5.2 : Sumbangan Dalam Dakwah

3.5.3 : Sumbangan Dalam Politik

3.6 : Hasil Penulisan

3.7 : Pengiktirafan

3.8 : Perginya Seorang Tokoh

BAB KEEMPAT : ANALISA PEMIKIRAN DATUK HAJI ABDUL KADIR
HASSAN

4.1. Pemikiran Mengenai Akidah

4.1.1. Tauhid Dan Kedudukannya

4.1.2. Tawassul Dengan Kubur Keramat

4.1.3. Qadha Dan Qadar

4.1.4. Penyerupaan Syiar Agama Lain

4.1.5. Pengaruh Iman

4.2. Pemikiran Mengenai Pelaksanaan Syariah

4.2.1. Penghayatan Islam Yang Menyeluruh

4.2.2. Pungutan Dan Pengagihan Zakat

4.3. Pemikiran Mengenai Akhlak

4.4. Pemikiran Mengenai Dakwah

4.4.1. Kepelbagaian Pendekatan Dan Badan Dakwah.

4.4.2. Tanggungjawab Berdakwah.

4.4.3. Keberkesanan Dakwah

4.4.4. Pendekatan Dakwah

4.4.5. Ciri-Ciri Pendakwah

4.4.6. Mesej Dakwah

4.4.7. Khalayak Dakwah

BAB KELIMA : PENUTUP

5.1. Kesimpulan

5.2. Cadangan